



NEGERI PERAK



Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
Bil. 26

29hb Disember 2011

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 25 November 2011 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 16 Disember 2011 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 25 November 2011 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 16 December 2011 are published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A25	Enakmen Perbekalan 2012
Enactment A25	Supply Enactment 2012
Enakmen A26	Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan (Pembubaran) 2011
Enactment A26	Darul Ridzuan Islamic College (Dissolution) Enactment 2011



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN A26

**ENAKMEN KOLEJ ISLAM DARUL RIDZUAN
(PEMBUBARAN) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	16 Disember 2011
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	29 Disember 2011

ENAKMEN
KOLEJ ISLAM DARUL RIDZUAN
(PEMBUBARAN) 2011

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemansuhan dan pembubaran
4. Perpindahan kuasa, hak, dsb.
5. Perpindahan harta
6. Perpindahan wang
7. Kontrak yang sedia ada, dsb.
8. Penerusan prosiding jenayah dan sivil
9. Penerusan undang-undang, dsb.
10. Pelajar Kolej
11. Penerusan perkhidmatan pegawai, pekhidmat, dll.
12. Menghalang kesukaran atau anomali

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**Enakmen A26****ENAKMEN KOLEJ ISLAM DARUL RIDZUAN
(PEMBUBARAN) 2011**

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan Perak

2011

Suatu Enakmen bagi memansuhkan Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan 2000 [*Enakmen Bil. 3 tahun 2000*] untuk membubarkan Kolej Islam Darul Ridzuan yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah semua aset dan liabiliti Kolej dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[1-6-2013 (Purpu 28/10/13)]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan (Pembubaran) 2011.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kolej” ertinya Kolej Islam Darul Ridzuan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan 2000 [*Enakmen Bil. 3 tahun 2000*];

“Kolej Universiti” ertinya Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah;

“orang” termasuklah kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan; dan

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan di bawah subseksyen 1(2).

Pemansuhan dan pembubaran

3. Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan 2000 [*Enakmen Bil. 3 tahun 2000*] dimansuhkan dan Kolej yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

Perpindahan kuasa, hak, dsb.

4. Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Kolej hendaklah, dari tarikh itu, turun kepada Kolej Universiti.

Perpindahan harta

5. (1) Semua tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah terletak hak pada Kolej hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diletak hak kepada Kolej Universiti.

(2) Semua harta dan aset selain daripada tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah terletak hak pada Kolej

atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh itu, diletak hak kepada Kolej Universiti.

Perpindahan wang

6. Semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Kolej hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, berpindah kepada, dan terletak hak pada Kolej Universiti.

Kontrak yang sedia ada, dsb.

7. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta yang berpindah di bawah seksyen 5 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang penuh terhadap atau memihak kepada Kolej Universiti dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah Kolej Universiti, bukan Kolej atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil

8. (1) Pemansuhan Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan 2000 tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu sebelum tarikh yang ditetapkan, atau mana-mana prosiding yang telah dibawa atau hukuman yang telah dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Mana-mana prosiding (sama ada sivil atau jenayah) atau kuasa tindakan yang belum selesai atau yang wujud, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, oleh atau terhadap Kolej atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kolej Universiti sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kolej atau orang itu seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan.

(3) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dimohon, pada atau selepas tarikh yang ditetapkan, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh yang ditetapkan dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Kolej menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap Kolej Universiti sebagaimana ia boleh dibawa oleh atau terhadap Kolej seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan.

Penerusan undang-undang, dsb.

9. Tertakluk kepada Enakmen ini, semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau bagi perlindungan Kolej dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan:

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis itu mengenai Kolej melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kolej Universiti dan ungkapan-ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Pelajar Kolej

10. Semua pelajar Kolej yang mengikuti kursus pengajian di Kolej sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan pelajar-pelajar Kolej Universiti yang mengikuti kursus pengajian yang sama seperti yang diikuti oleh mereka sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

Penerusan perkhidmatan pegawai, pekhidmat, dll.

11. (1) Semua pegawai dan pekhidmat Kolej yang dilantik atau diambil kerja oleh Kolej sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dilantik atau ambil kerja oleh Kolej Universiti atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan

syarat perkhidmatan yang terpakai bagi mereka sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

(2) Semua ejen atau orang lain yang diambil kerja oleh Kolej sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diambil kerja oleh Kolej Universiti.

Menghalang kesukaran atau anomali

12. (1) Jika apa-apa kesukaran atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan Enakmen ini, DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan boleh melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Enakmen ini sebagaimana yang didapati perlu bagi menghapuskan atau menghalang kesukaran atau anomali itu:

Dengan syarat bahawa DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh yang ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, “ubah suaian” termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Bertarikh 1 November 2011
[PU.PK. 45/2000]

DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan



LAWS OF THE STATE OF PERAK

ENACTMENT A26

**DARUL RIDZUAN ISLAMIC COLLEGE
(DISSOLUTION) ENACTMENT 2011**

Date of Royal Assent	...	...	...	16 December 2011
Date of publication in the <i>Gazette</i> ...	...	...	...	29 December 2011

Hakcipta Pencetak⁽¹⁾

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

DARUL RIDZUAN ISLAMIC COLLEGE
(DISSOLUTION) ENACTMENT 2011

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Repeal and dissolution
4. Transfer of powers, rights, *etc.*
5. Transfer of property
6. Transfer of funds
7. Existing contracts, *etc.*
8. Continuance of criminal and civil proceedings
9. Continuance of laws, *etc.*
10. Students of the College
11. Continuance of service of officers, servants, *etc.*
12. Prevention of difficulties or anomalies

LAWS OF THE STATE OF PERAK**Enactment A26****DARUL RIDZUAN ISLAMIC COLLEGE
(DISSOLUTION) ENACTMENT 2011**

I ASSENT,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan of Perak

2011

An Enactment to repeal the Darul Ridzuan Islamic College Enactment 2000 [*Enactment No. 3 of 2000*] to dissolve the Darul Ridzuan Islamic College established under the Enactment, to transfer to and vest in Sultan Azlan Shah Islamic University College all the assets and liabilities of the said College and to provide for other matters connected therewith.

[1.6.2013 (PUPU 78/2013)]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Darul Ridzuan Islamic College (Dissolution) Enactment 2011.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“College” means the Darul Ridzuan Islamic College established under Darul Ridzuan Islamic College Enactment 2000 [*Enactment No. 3 of 2000*];

“University College” means the Sultan Azlan Shah Islamic University College;

“person” includes body of person, corporate or unincorporated; and

“appointed date” means the date appointed by the DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan under subsection 1(2).

Repeal and dissolution

3. The Darul Ridzuan Islamic College Enactment 2000 [*Enactment No. 3 of 2000*] is repealed and the College established thereunder is dissolved.

Transfer of powers, rights, etc.

4. All powers, rights, privileges, duties, liabilities and obligations which immediately before the appointed date were those of the College shall, as from that date, devolve on the University College.

Transfer of property

5. (1) All lands which immediately before the appointed date were vested in the College shall, on the appointed date, vest in the University College.

(2) All properties and assets other than land which immediately before the appointed date were vested in the College or in any person on its behalf shall, on the date, vest in the University College.

Transfer of funds

6. All moneys standing in, or due to be paid to, the College shall, on the appointed date, be transferred to and vest in the University College.

Existing contracts, etc.

7. All deeds, bonds, agreements, instruments and working arrangements subsisting immediately before the appointed date and affecting any of the property transferred under section 5 shall be of full force and effect against or in favour of the University College and enforceable as fully and effectually as if, instead of the College or any person acting on its behalf, the University College has been named therein or had been a party thereto.

Continuance of criminal and civil proceedings

8. (1) The repeal of the Darul Ridzuan Islamic College Enactment 2000 shall not affect any person's liability to be prosecuted or punished for offences committed under the repealed Enactment before the appointed date, or any proceeding brought or sentence imposed before that date in respect of such offence.

(2) Any proceeding (whether civil or criminal) or cause of action pending or existing immediately before the appointed date, by or against the College or any person acting on its behalf may be continued or instituted by or against the University College as it might have been continued or instituted by or against the College or such person as if this Enactment had not been passed.

(3) Any appeal brought, or any leave to appeal for, on or after the appointed date, against a decision given before the appointed date in any legal proceedings to which the College was a party may be brought by or against the University College as it might have been brought by or against the College as if this Enactment had not been passed.

Continuance of laws, etc.

9. Subject to this Enactment, all written laws, including subsidiary legislation, affecting or for the protection of the College and in force immediately before the appointed date shall, until amended or revoked by the appropriate authority having power so to do, continue in force and be construed as if this Enactment had not been passed:

Provided that any reference in such written laws to the College, unless the context otherwise requires, shall be construed as a reference to the University College and expressions importing such a reference shall be construed accordingly.

Students of the College

10. All students of the College who are following courses of study in the College immediately before the appointed date shall, on the appointed date, be deemed to be students of the University College following the same courses of study they were following immediately before the appointed date.

Continuance of service of officers, servants, etc.

11. (1) All officers and servants of the College appointed or employed by the College immediately before the appointed date shall, on the appointed date, be deemed to have been appointed or employed by the University College on terms and conditions of service which are not less favourable than the terms and conditions of service applicable to them immediately before the appointed date.

(2) All agents or other persons employed by the College immediately before the appointed date shall, on the appointed date, be deemed to have been employed by the University College.

Prevention of difficulties or anomalies

12. (1) If any difficulty or anomaly arises in connection with the implementation of this Enactment, DYMM Paduka Seri Sultan

Perak Darul Ridzuan may by order make such modification to any provision of this Enactment as may appear to him to be necessary for removing or preventing such difficulty or anomaly:

Provided that DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan shall not exercise the powers conferred by this section after the expirations of three years from the appointed date.

(2) In this section, "modifications" includes amendments, additions, deletions, substitutions, adaptations, variations and non-application of any provision of this Enactment.

Dated 1 November 2011
[PU.PK. 45/2000]

DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak⁽¹⁾

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA